

29 JANUARI 2018

## Umur 13 tahun dah merempit, ambil dadah

### Umur 13 tahun dah merempit, ambil dadah



SEBAHAGIAN daripada penunggang dan pembonceng motosikal yang diperiksa di Hentian Rehat dan Rawat Pantai Bersih di Seberang Perai semalam.

Oleh SYALMIZI HAMID

**SEBERANG PERAI** - Sembilan mat rempit termasuk seorang budak lelaki yang baru berumur 13 tahun bukan sahaja terlibat dalam aktiviti rempit jalanan di Lebuhraya Lingkar Luar Butterworth di sini, bahkan turut positif dadah semalam.

Remaja terbabit antara 70 penunggang dan pembonceng yang diperiksa dalam operasi selama tujuh jam berdekatan Hentian Rehat dan Rawat Pantai Bersih.

Jurucakap Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) negeri berkata, mereka yang disahkan positif dadah itu berusia antara

13 tahun sehingga 32 tahun.

"Seramai 15 orang diperiksa AADK dengan sembilan daripadanya didapati positif iaitu lapan orang metamphetamin dan seorang morfin."

"Remaja berusia 13 tahun yang didapati positif dadah sudah tidak bersekolah."

"Bagaimanapun seorang lagi remaja perempuan berusia 23 tahun, tidak mengaku mengambil dadah dan memberi alasan hanya mengambil produk menguruskan badan," katanya.

Kesemua suspek yang ditahan di lokap AADK di Kampung Selamat, Tasek Gelugor di sini disiasat mengikut Seksyen 3(1) Akta Penagihan Dadah 1983.

Dalam pada itu, Ketua Polis

Daerah Seberang Perai Utara, Asisten Komisioner Noorzainy Mohd. Noor berkata, pihak polis turut menyita sebanyak 14 buah motosikal selain mengeluarkan 75 saman ketika operasi itu.

"Operasi itu dibuat apabila masih terdapat anak-anak muda yang tidak serik melakukan aktiviti tidak bermoral seperti melakukan aksi berbahaya ketika di jalan raya yang boleh membahayakan nyawa mereka serta pengguna jalan yang lain."

"Golongan ini didapati seolah-olah tidak risau dan gentar dengan usaha-usah pihak berkuasa dalam menangani gejala terbabit daripada terus berleluasa," katanya.